

Angkasa sasar buka enam lagi stesen minyak

Kosmo
ms 13
07/02/2016

KUANTAN - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri akan membuka enam buah stesen minyak lagi menjelang akhir tahun 2017.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, ia merupakan usaha kedua-dua agensi itu untuk meningkatkan koperasi mikro dan kecil sebanyak enam peratus setahun.

Katanya, setakat ini koperasi mempunyai lebih 200 buah stesen minyak di seluruh negara dengan 90 daripadanya terletak di Pahang.

"Angkasa dan SKM kekal fokus mewujudkan perniagaan yang memberi manfaat

kepada rakyat. Penambahan enam stesen minyak itu kelak akan menelan belanja antara RM500,000 hingga RM1 juta.



"Ia akan dibina di Tembeling Tengah, Kerating, Kemansul, Lipis, Rompin dan di Jalan Kuantan-Kemaman," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke pejabat SKM negeri di sini semalam.

Hadir sama Pengerah SKM negeri, Datuk Mohamad Zawawi Mahmud.

Tambahnya, Angkasa mahu kerajaan memberikan laluan mudah kepada usahawan untuk memulakan atau membangunkan perniagaan mereka terutama melibatkan kerehah birokrasi di peringkat tertentu.